

Headline **Tahlil Majlis AIDS Ahad**
Date **13. May 2009**
Media Title **Utusan Malaysia**
Section **Dalam Negeri**
Circulation **238082**
Readership **833287**

Language **MALAY**
Page No **27**
Article Size **75** cm2
Frequency **Daily**
Color **Black/White**
AdValue **987.70**



Tahlil Majlis AIDS Ahad

KUALA LUMPUR 12 Mei – Majlis AIDS Malaysia buat julung kalinya menganjurkan majlis tahlil dan bacaan Yasin di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sempena sambutan Hari Memperingati AIDS Sedunia 2009.

Majlis yang dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) itu akan diadakan pada Ahad ini.

Presiden Majlis AIDS Malaysia, Prof. Dr. Adeeba Kamarulzaman berkata, majlis itu dianjurkan kerana masyarakat Islam merupakan kumpulan paling ramai dijangkiti penyakit tersebut iaitu sebanyak 72 peratus.

“Majlis ini diharap dapat membuka mata masyarakat serta memberi kesedaran mengenai peningkatan jangkitan HIV serta diskriminasi yang dihadapi oleh mereka yang positif HIV khususnya di kalangan umat Islam,” katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini hari ini.

Tambahnya, majlis yang diadakan itu terbuka kepada masyarakat umum termasuk yang bukan beragama Islam.

Jelasnya, majlis tersebut memberi tumpuan dari sudut keagamaan bagi mendapatkan sokongan dan kerjasama dari kalangan pemimpin agama dalam usaha menghentikan stigma dan diskriminasi yang dialami oleh mereka yang dijangkiti HIV.

Pada majlis sambutan itu juga akan diadakan pameran HIV atau AIDS serta ceramah motivasi oleh penceramah jemputan.